

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Oktoper/November 1991

PDP 472 - Perspektif Psikologi Dalam Pendidikan

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT soalan, DUA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. (a) Mengikut ahli psikologi Behaviorisma pengajaran di bilik darjah boleh ditafsirkan sebagai 'Pengubahsuaiant Tingkahlaku'. Terangkan konsep 'Pengubahsuaiant Tingkahlaku' ini dengan merujuk kepada pelaziman klasik dan pelaziman operan.  
(b) Apakah kelemahan-kelemahan dalam pendapat ini?
2. (a) Terangkan konsep "ingatan imajeri". Bagaimana kita boleh membuktikan bahawa ini terdapat dalam proses kognitif kanak-kanak?  
(b) Berikan contoh-contoh di mana keberkesanan pengajaran dipertingkatkan dengan memberi lebih perhatian kepada ingatan imajeri kanak-kanak.
3. (a) Terangkan ingatan Deria, ingatan Jangka masa Pendek dan ingatan Jangka masa Panjang.  
(b) Jelaskan bagaimana wujud kelupaan pada jenis ingatan jangka masa panjang. Apakah langkah-langkah untuk mengatasi kelupaan jenis ini?

Bahagian B

4. a) Bincangkan secara ringkas teori perkembangan kanak-kanak mengikut Freud atau Erikson.
- b) Berpandukan kepada Freud atau Erikson yang dipilih, terangkan bagaimana wujud masalah disiplin di kalangan remaja di sekolah.
- c) Apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mengatasinya.
  
5. a) Bincangkan secara ringkas tahap-tahap perkembangan kognitif mengikut Piaget.
- b) Apakah gunanya pengetahuan jenis ini kepada pengajaran di peringkat sekolah menengah?
  
6. a) Piaget dan Kohlberg tidak memberi teori-teori yang sama mengenai perkembangan moral kanak-kanak. Bincangkan mengenai persamaan dan perbezaan di antara mereka.
- b) Apakah implikasi teori-teori di atas kepada pengajaran moral dan nilai di sekolah?

- ooooooo -